



جابتن ائلام ڤيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(44)

Tarikh: 16 Syawal 1446H
15 April 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh: 18 April 2025 / 19 Syawal 1446
Tajuk : "Jauhi Buli"

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

"PERAK SEJAHTERA 2030"



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"JAUHI BULI"

18 April 2025 / 19 Syawal 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan semua larangan Nya; mensyukuri setiap nikmat kurniaan Illahi serta menginsafi bahawa kematian pasti berlaku. Mudah-mudahan dipermudahkan perhitungan kita di hadapan Rabbuljalil serta dihimpunkan kita dalam kalangan hamba yang beriman. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: **"JAUHI BULI"**

Firman Allah SWT, ayat 49 surah al-Kahfi:

﴿وَوُضِعَ الْكِتَابُ فَتَرَى الْمُجْرِمِينَ مُشْفِقِينَ مِمَّا فِيهِ وَيَقُولُونَ يَوَيْلَتَنَا مَا لَ هَذَا الْكِتَابِ لَا يُغَادِرُ صَغِيرَةً وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَاهَا وَجَدُوا مَا عَمِلُوا حَاضِرًا وَلَا يَظْلِمُ رَبُّكَ أَحَدًا﴾

Bermaksud: Dan dibentangkan kitab-kitab (catatan amalan), lalu kamu akan melihat orang yang berdosa ketakutan terhadap sesuatu yang (tertulis) di dalamnya dan mereka berkata, "Aduhai, celaka kami! Kitab apakah ini yang tidak meninggalkan (catatan amalan) yang kecil dan tidak (pula) yang besar, melainkan ia mencatat semuanya," dan mereka mendapati apa-apa yang telah dilakukan mereka ada (tertulis di dalamnya)? Dan (ingatlah) Tuhan kamu tidak menzalimi seorang jua pun.

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

Kamus Dewan mentakrifkan buli sebagai perbuatan mendera, mempermainkan seseorang atau orang yang lebih lemah; bertujuan untuk menggertak, mencederakan, menghina atau menakutkan sesuatu pihak. Perbuatan membuli wajib di jauhi oleh Mukmin kerana tidak melambangkan sahsiah terpuji, berlawanan dengan semangat agama yang menyemai keharmonian dan kasih sayang sesama manusia, malah merupakan perbuatan salah laku yang menyalahi tuntutan syarak.

Buli berlaku dalam pelbagai bentuk; secara fizikal, menggunakan kekerasan ke atas tubuh badan atau harta benda mangsa, atau memaksa mangsa melakukan perkara yang tidak diredhai. Membuli secara lisan melibatkan kata-kata keji seperti memaki, mengherdik, memberi gelaran menghina atau mengaibkan, atau mempersendakan tubuh badan seseorang. Kebelakangan ini, media sosial semakin disalahgunakan untuk memuatkan dan menyebarkan kandungan berunsur buli, menyerang dan memfitnah mangsa buli.

Malaysia mencatatkan pelbagai kes buli, berlaku di institusi pendidikan, di pusat-pusat latihan, di asrama kediaman, di tempat kerja, di rumah kediaman, malah berlaku di jalan raya. Kementerian Pendidikan Malaysia melaporkan 6,208 kes buli membabitkan pelajar sekolah direkodkan berlaku antara Januari sehingga Oktober 2024. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia merekodkan 8,339 aduan berkaitan buli siber bagi tempoh Januari sehingga November 2024. Sangat mendukacitakan, ada perbuatan membuli yang mengakibatkan kematian mangsa.

Buli mengakibatkan pelbagai kesan buruk, sama ada fizikal, mental atau emosi. Lazimnya mangsa buli mengalami tekanan perasaan, hilang keyakinan diri, kemurungan hatta ke peringkat mahu membunuh diri. Di sekolah, pelajar yang dibuli sentiasa berada dalam ketakutan, gemar bersendirian, hilang semangat, dan gagal memberi tumpuan pada pelajaran. Manakala pekerja yang menjadi mangsa buli, termasuk yang mengalami gangguan seksual akan mengalami tekanan, menyebabkan hilang semangat kerja, menjadi kurang produktif, akibatnya terjejas pencapaian organisasi.

Pembuli pula tidak terlepas berhadapan pelbagai kesan buruk. Jika disabitkan kesalahan, pembuli perlu membayar pampasan kepada mangsa buli menurut yang diperintahkan oleh mahkamah; di samping akan tercatat rekod telah pernah melakukan jenayah, yang akan menimbulkan pelbagai kesulitan menghadapi kehidupan termasuk ketika memohon untuk mendapat kerja. Sifat membuli yang gagal dibendung merupakan satu penyakit. Pembuli yang tidak insaf malah terus mengamalkan sikap membuli, tanpa rasa bersalah atau tanpa ada rasa belas kasihan, cenderung melakukan keganasan rumah tangga, menyeksa haiwan, berkemungkinan akan terlibat dengan kumpulan kongsi gelap dan sindiket jenayah yang ditugaskan berperanan sebagai kaki ugut dan kaki pukul.

Jemaah yang dilimpahi keberkatan Ilahi

Islam menegah umatnya berlaku zalim kepada manusia, haiwan dan alam semesta. Islam menuntut umatnya mengamalkan akhlak mulia, saling hormat menghormati sesama manusia, mengasihani haiwan dan tumbuhan, menolong dan menunjukkan simpati terhadap orang yang lemah, terutama orang tua, orang yang uzur, wanita, kanak-kanak dan fakir miskin. Perbuatan membuli sama sekali tidak mencerminkan sahsiah Mukmin sebenar. Rasulullah SAW menyifatkan Mukmin terpuji adalah mereka yang lidah dan tangannya tidak mendatangkan kemudaratkan kepada sesiapa selaras hadis:

الْمُسْلِمُ مَنْ سَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ

Bermaksud: Seorang Muslim itu adalah mereka yang membuatkan Muslim yang lain selamat dari kejahatan lidah dan tangannya. (Hadis Riwayat Bukhari)

Suatu ketika seorang sahabat mencerca Saidina Bilal RA, memanggilnya "kulit hitam legam". Perbuatan tersebut ditegur oleh Rasulullah SAW dengan bersabda:

إِنَّكَ أَمْرٌ فَيْكَ جَاهِلِيَّةٌ

Bermaksud: Sesungguhnya engkau memiliki sifat jahiliah (kerana mengejek sahabat mu). (Hadis Riwayat Bukhari)

Ayat 49 surah al-Kahfi yang khatib baca pada awal khutbah memperingatkan ummah bahawa setiap perbuatan yang dilakukan sama ada kecil mahu pun besar, tetap tercatat dan akan dihitung di hadapan Allah SWT. Di sisi Ilahi, perbuatan menyakiti, memukul, menghina, mengejek atau menzalimi orang lain ialah perbuatan dosa yang akan diberikan pengadilan setimpal di akhirat.

Bagi membendung serta menangani isu buli, kerjasama erat dan penglibatan pelbagai pihak perlu digabungkan, merangkumi ibu bapa dan guru; tadika, sekolah dan pusat-pusat latihan, masjid dan surau, pihak polis serta badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan yang berkaitan. Di samping usaha mengemaskinikan peraturan dan undang-undang, perlu ada kejujuran dan ketegasan semua pihak penguatkuasaan undang-undang, bertindak secara telus, tegas, adil dan saksama, tanpa menghiraukan latar belakang pihak yang bersalah, atau keluarga pihak yang bersalah.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar menyenaraikan beberapa saranan:

Pertama: Perbuatan membuli wajib di jauhi dan dibendung kerana perbuatan tersebut bukan sekadar perbuatan zalim tidak berperikemanusiaan yang meninggalkan pelbagai kesan buruk kepada mangsa, malah berdosa di sisi agama.

Kedua: Pentingnya ibu bapa mendidik, menyemai dan menerapkan sifat kasih sayang, belas kasihan dan ihsan pada anak-anak ketika usia masih kecil, agar tumbuh sinar iman dalam jiwa mereka, yang memiliki sifat simpati dan empati sesama manusia dan terhadap makhluk Tuhan.

Ketiga: Kenal pasti sebarang perubahan kelakuan dan sikap anak-anak. Nasihatkan mereka untuk membuat aduan jika menjadi mangsa buli, berikan mereka sokongan moral, dan dapatkan mereka bimbingan kaunseling agar mereka kekal kuat dan pulih keyakinan diri.

Keempat: Dipergiatkan kempen kesedaran bahaya buli, di samping memperbanyakkan program-program pengukuhan jati diri Muslim dan penerapan nilai kemuliaan insan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Allah! Ya Rabbal Alamin! Jauhi kami, kaum keluarga kami, pemimpin dan warga kerja kami daripada melakukan perbuatan membuli dan menzalimi mana-mana pihak, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Lindungi kami dan keturunan kami daripada menjadi mangsa buli. Kurniai kami sebaik-baik akhlak seperti akhlak Rasulullah SAW.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fugara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.